

**MSWG****MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

# The Observer

## MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Penutupan operasi kerajaan Amerika Syarikat (AS) boleh memberi pelbagai kesan kepada ekonomi dunia dalam pasaran ekuiti, bon mahupun dari segi keyakinan dalam perniagaan. Ia bergantung samada keadaan ini akan berlarutan atau hanya terbatas di AS sahaja. Pasaran di Asia nampaknya menerima perkembangan ini berdasarkan pergerakan pasaran yang tidak begitu ketara sejak beberapa hari yang lalu. Ini mungkin disebabkan para pelabur percaya keadaan ini hanyalah sementara dan tidak begitu berbeza dengan situasi yang pernah berlaku 17 tahun lalu pada tahun 1996 di mana operasi kerajaan AS telah ditutup selama 21 hari. Dengan demikian, pelabur yakin bahawa satu jalan penyelesaian boleh tercapai dalam masa yang singkat.

Sebaliknya, isu hutang yang semakin meningkat dan penutupan operasi kerajaan yang berlaku di AS boleh memberi pengajaran kepada kita untuk berjimat dan berwaspada di dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu pada masa ini.

Masih berkaitan senario antarabangsa: Pelancaran zon bebas perniagaan di Shanghai, China telah diterima baik oleh pelabur antarabangsa. Namun begitu, ia masih menjadi medan ujian bagi polisi-polisi berunsur pasaran bebas di negara China. Sebaliknya ia juga boleh mewujudkan potensi kepada rakan dagang China seperti Malaysia jika berjalan lancar. Lebih-lebih lagi dengan kunjungan julung kalinya Presiden China ke Malaysia baru-baru ini untuk mempromosikan kerjasama ekonomi dua hala dapat mengembangkan pasaran modal di Malaysia.

Berkaitan pengundian secara 'poll' yang baru diperkenalkan di Singapura, kami dapati bahawa di dalam mesyuarat agung tahunan di salah sebuah syarikat tersenarai di Malaysia, pengerusi syarikat telah menggunakan kuasanya untuk melaksanakan pengundian secara 'poll'. Ini berikutan apabila resolusi untuk meluluskan yuran pengarah telah ditolak oleh pemegang saham minoriti melalui pengundian secara mengangkat tangan kerana syarikat tersebut telah mengalami kerugian bagi 4 daripada 5 tahun yang lepas. Namun begitu, resolusi tersebut diluluskan secara 'poll' oleh pemegang saham majoritinya.

Ini adalah contoh tipikal bagaimana pemegang saham minoriti boleh diketepikan dengan mudah oleh pemegang saham majoriti yang mempunyai kawalan pegangan di syarikat sekiranya pengundian dilaksanakan secara 'poll'. Dengan demikian boleh secara mudahnya mengenyepikan suara minoriti yang mempunyai hujah-hujah yang munasabah. Untuk menangani isu seperti ini terutamanya di negara Asia yang mempunyai struktur pemegangan saham yang berkonsentrasi tinggi, kelulusan tambahan dari segi jumlah bilangan juga perlu dipertimbangkan bagi resolusi substantif sebagai permulaan.

Akhir sekali, Belanjawan 2014 telah menjadi tumpuan. Berdasarkan tindakan awal kerajaan mengurangkan subsidi minyak dan menaikkan cukai tembakau, kami menjangkakan lebih banyak perubahan fiskal akan diumumkan pada 25 Oktober. Setiap langkah yang diumumkan pasti akan ditafsirkan dalam konteks kedudukan fiskal dan unjuran kredit Malaysia. Sekiranya tindakan yang tegas tidak diambil untuk menangani perbelanjaan negara seperti rasionalisasi subsidi, perbelanjaan yang berhemah dan asas cukai yang lebih luas, ia boleh dilihat sebagai tidak menangani isu-isu ekonomi negara.

Salam,

Rita

---

### LAPORAN TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA-ASEAN 2012

Sukacita dimaklumkan bahawa Ringkasan Eksekutif mengenai penemuan-penemuan di dalam Laporan Tadbir Urus Korporat Malaysia-Asean **2012** dan statistik-statistik utama Tadbir Urus Korporat 2012 kini boleh didapati di laman web kami. Laporan penuh boleh didapati mulai minggu hadapan di bawah Khidmat Pelanggan Premium bagi Pelanggan Pelabur Institusi dan Pelanggan Korporat. Salinan cetak Laporan tersebut boleh dibeli pada harga RM100 senaskah. Sesiapa yang berminat boleh membuat tempahan dengan menghubungi Encik Vinod di [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my).

### TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA-ASEAN 2013 - NANTIKAN TARIKH INI!

MSWG akan mengumumkan keputusan Tadbir Urus Korporat Malaysia-Asean **2013** sempena Majlis Anugerah Tadbir Urus Korporat Tahunan kami pada 12 Disember 2013. Maklumat lanjut mengenai ini akan dimaklumkan pada minggu hadapan.

---

### CEO DALAM BERITA

*Banking resignations create concerns*

[http://www.btimes.com.my/Current\\_News/BTIMES/articles/rita/Article/](http://www.btimes.com.my/Current_News/BTIMES/articles/rita/Article/)

*Bank perlu ada pelan penggantian bakat*

<http://www.smecorp.gov.my/vn2/node/737>

---

### KEMASKINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA

Cukai tembakau, juga dikenali dengan istilah “sin tax” yang telah dikenakan sebelum Bajet 2014 dilihat sebagai cara untuk meningkatkan perolehan kerajaan dan pada masa yang sama membasmi tabiat merokok.

**KOMEN MSWG:**

Berikutan kenaikan cukai tembakau baru-baru ini yang mana kesannya telah ditanggung oleh pengguna melalui kenaikan harga rokok, kerajaan kini perlu menangani pasaran rokok haram. Ini adalah kerana perokok tegar masih akan cuba membeli rokok pada harga yang lebih rendah melalui pasaran gelap. Ini akan mengakibatkan pasaran gelap rokok berleluasa sekaligus merugikan syarikat-syarikat tembakau.

---

**PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA**

***XIDELANG HOLDINGS LTD (“XDL”)***

Pada 30 September 2013 XDL mengumumkan bahawa syarikat bercadang untuk melakukan terbitan hak boleh tolak sehingga 322,665,266 saham baru XDL (“Saham Hak”) pada harga terbitan sebanyak RM0.35 bagi setiap Saham Hak, beserta sehingga 241,998,950 waran boleh cerai percuma XDL dan terbitan bonus sehingga 241,998,950 saham baru XDL, pada asas empat (4) Saham Hak beserta tiga (3) Waran 2013 percuma dan tiga (3) Saham Bonus bagi setiap dua belas (12) Saham XDL sediaada (“Cadangan Terbitan Hak”).

Penggunaan utama hasil kutipan Terbitan Hak tersebut adalah untuk pembinaan peringkat kedua sebuah pusat rekabentuk dan pengeluaran Kumpulan XDL yang baru.

**KOMEN MSWG:**

Kami telah memberikan komen pada dua minggu yang lalu mengenai syarikat-syarikat yang berpangkalan di negara China di mana mereka perlu telus dan mengisytiharkan dividen yang berpatutan dan konsisten untuk menarik minat pelabur. Dalam kes ini XDL meminta dana tambahan daripada para pemegang sahamnya melalui Terbitan Hak walhal syarikat masih mempunyai baki tunai yang agak besar sebanyak RM291.1 juta di dalam bukunya pada 30 Jun 2013.

Mengapa syarikat memerlukan Terbitan Hak tambahan walhal syarikat masih mempunyai simpanan tunai yang tidak digunakan yang agak besar sebanyak RM291.1 juta pada 30 Jun 2013?

Tambahan pula, Terbitan Hak ini akan mencairkan kepentingan pemegang saham secara ketara jika mereka tidak melanggan Saham-Saham Hak mereka. Berdasarkan pengumuman yang dilakukan, kami telah melakukan pengiraan kasar seperti yang tertera di bawah. Kami mendapati kesan kecairan yang ketara sebanyak kira-kira 45.5% atas pegangan saham bagi mereka yang tidak melanggan Saham Hak tersebut.

Asas bagi Saham Hak	:	4
Asas bagi Saham Bonus	:	3
Asas bagi Waran Boleh Cerai Percuma	:	3
Jumlah saham baru XDL yang diterbitkan bagi setiap 12 saham XDL sediaada selepas Cadangan	:	= 4+3+3 = 10

Terbitan Hak		
Kesan Kecairan (%)	:	$= \{1 - [12/(10+12)]\} * 100\%$ = 45.45%

*Pengiraan Kami:*

Mengandaikan senario di mana seorang pemegang saham yang memiliki 1 juta saham XDL dan tidak berhasrat untuk melanggan Saham Haknya, pegangan sahamnya sebanyak 1.38% akan dicairkan sebanyak kira-kira 45.5% kepada hanya 0.75%. Ilustrasi senario tersebut adalah seperti di bawah:

Sebelum Cadangan Terbitan Hak		
Bil. saham dipegang oleh pemegang saham minoriti (MI)	Bilangan jumlah saham yang diterbitkan	Pegangan saham MI (%)
1,000,000	72,599,685	<b>1.38</b>

Selepas pelaksanaan Terbitan Hak		
Bil. saham dipegang oleh MI	Bil. jumlah saham yang diterbitkan yang diperbesarkan	Pegangan saham MI (%)
1,000,000	96,799,580	1.03

Bil. saham dipegang oleh MI	Bil. jumlah saham yang diterbitkan yang diperbesarkan	Pegangan saham MI (%)
1,000,000	114,949,501	0.87

Selepas pelaksanaan Terbitan Hak dan Terbitan Bonus dan pertukaran penuh Waran Percuma		
Bil. saham dipegang oleh MI	Bil. jumlah saham yang diterbitkan yang diperbesarkan	Pegangan saham MI (%)
1,000,000	133,099,423	<b>0.75</b>

## Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)  
Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat [chongcf@mswg.org.my](mailto:chongcf@mswg.org.my)  
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)  
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)  
Ng Hoon Ho, Pengurus Kanan, Pemantauan Korporat [nghh@mswg.org.my](mailto:nghh@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)  
Shahnul Niza Mohd Yusof, Pengurus, Penyelidikan [shahnul.niza@mswg.org.my](mailto:shahnul.niza@mswg.org.my)  
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat [cheemeng@mswg.org.my](mailto:cheemeng@mswg.org.my)  
Wong Kin Wing, Penganalisa Kanan, Pemantauan Korporat, [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)  
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat [khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my)  
Muhammad ‘Ammar Maslan, Penganalisa, Pemantauan Korporat [ammar@mswg.org.my](mailto:ammar@mswg.org.my)  
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my)

---

#### **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat tersebut kecuali bagi Xidelang Holdings Ltd.*
- 

#### **Maklumbalas**

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mswg.ceo@mswg.org.my](mailto:mswg.ceo@mswg.org.my).

---

#### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya beserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti khusus atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*